SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR**
		[TANJONG KARANG]
TARIKH	:	**19 MAC 2015**
SOALAN	:	

YB Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam membasmi kes denggi yang semakin meningkat dengan mengenakan tindakan terhadap individu atau pihak yang menyebabkan kes denggi berlaku seperti di tapak projek pembinaan dan kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan yang dikenakan kepada individu atau pihak-pihak tertentu yang menyebabkan kes denggi berlaku adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

i) Mengeluarkan arahan penutupan premis di tapak bina dan kilang yang didapati mempunyai pembiakan serangga pembawa penyakit selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 8(3)(aa), Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Sehingga Februari 2015, sebanyak 60 tapak bina termasuk 1 kilang telah dikeluarkan arahan penutupan premis; dan

ii) Mengeluarkan kompaun maksima bagi kesalahan membiarkan serangga pembawa penyakit berlaku di premis-premis kediaman. Kompaun maksima adalah berjumlah RM500.00 sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Bagi tahun 2014 sahaja, sebanyak 25,696 kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kutipan kompaun sebanyak RM12,848,000.